

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Filem adalah cermin masyarakatnya. Cara hidup, nilai dan getar rasa masyarakat dapat disorot melalui filem-filem pada zamannya. Pendeknya, filem adalah gambaran jatidiri masyarakat. Manakala masyarakat pula bukanlah sesuatu yang statik, malah senantiasa hidup, bergerak dan bergolak.

(Samad Idris, Kuala Lumpur, 1989)

Demikianlah pandangan yang disuarakan oleh seorang budayawan tersohor, Tan Sri Abd. Samad Idris. Filem mampu menggambarkan suasana masyarakat pada sesuatu masa. Walaupun zaman terus berlalu namun peristiwa-peristiwa terdahulu boleh dipertontonkan kembali melalui filem contohnya seperti peristiwa Malaysia mencapai kemerdekaan yang boleh ditayangkan kembali pada hari ini.

Filem bukan semata-mata sebagai alat untuk mendapatkan hiburan tetapi lebih dari itu ia adalah sebagai sumber maklumat dan ilmu. Pengetahuan hiburan hanyalah salah satu aspek yang melibatkan bidang

perfileman. Aspek lain ialah sebagai perakam sosial, kenyataan kritik sosial dan propaganda. Filem yang baik adalah filem yang dapat memberikan maklumat tentang sesuatu zaman dan sesuatu kelompok masyarakat. Filem yang baik juga adalah filem yang mampu mengubah persepsi penonton terhadap sesuatu kepada sesuatu yang lain (Ku Seman Ku Hussain : 2003).

Masyarakat umum sering membicarakan mengenai filem cereka, namun begitu kewujudan dan kepentingan filem dokumentari tidak boleh diabaikan. Ia mempunyai peranannya yang tersendiri dan mampu memikat hati penonton seperti mana-mana filem cereka dan lain-lain genre filem.

Demikian jugalah dengan para pengkritik dan para sarjana sering membicarakan mengenai filem cereka tetapi tidak filem dokumentari sedangkan filem dokumentari juga membawa persoalan yang menyentuh kehidupan kebudayaan dan isu-isu yang menyentuh nilai perhubungan sesama manusia.

Ada di antara kita yang kurang sedar betapa pentingnya peranan dan pengaruh filem dokumentari dalam proses pengajaran, pembelajaran, penerangan, penyelidikan dan lain-lain. Sejarah kewujudan filem itu sendiri lahir dalam bentuk dokumentari yang memaparkan realiti kehidupan (Naim Haji Ahmad : 1999).

Dalam sesebuah filem sama ada filem dokumentari mahupun filem cereka sudah pasti akan terselit mesej yang ingin disampaikan kepada penonton. Intipati mesej yang disampaikan bergantung kepada orang yang bertanggungjawab menghasilkan karya filem tersebut. Dialah yang akan menentukan jenis-jenis mesej yang perlu dimuatkan.

Medium filem juga boleh digunakan untuk merakamkan peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah untuk disimpan sebagai dokumentasi bagi tatapan dan kegunaan generasi akan datang. Filem juga boleh digunakan untuk pendidikan, sebagai bahan pembelajaran sama ada untuk kegunaan di sekolah, di pusat pengajian tinggi mahupun dalam masyarakat.

Filem adalah medium yang boleh digunakan oleh manusia-manusia kreatif menghasilkan filem-filem cereka dan dokumentari bermutu lagi indah untuk tatapan insan lain. Namun demikian ia harus dihasilkan dengan kaedah yang betul dan berlandaskan perkiraan ilmu. Pelbagai gaya, cara dan teknik menarik boleh diaplikasikan bertujuan merealisasikan sebuah filem cereka atau dokumentari yang mampu memikat hati penonton.

Demikianlah pentingnya filem dokumentari kepada masyarakat. Segala pengetahuan, maklumat, fakta dan pemberitahuan boleh diperolehi. Filem dokumentari membawa fakta melampaui filem fiksyen di mana

manusia, tempat dan peristiwa mengatasi imaginasi. Keaslian menjadi tonggak kepada filem dokumentari (Ku Seman Ku Hussain : 2003).

Dalam konteks kajian ini, jenis filem yang difokuskan ialah filem dokumentari, badan yang bertanggungjawab menghasilkan filem dokumentari ini ialah Filem Negara Malaysia dan aspek yang dikaji ialah nilai nasional. Pengkaji akan mengkaji sejauh mana nilai-nilai nasional yang dicetuskan oleh kerajaan diterapkan ke dalam filem-filem dokumentari yang diterbitkan.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Adakah terdapat persamaan atau perbezaan fungsi Filem Negara Malaysia (FNM) daripada zaman sebelum dan selepas merdeka dalam konteks memaparkan sesuatu isu yang berkaitan dengan negara. Dalam konteks kajian ini ialah pemaparan unsur-unsur nilai nasional. Apakah jenis-jenis nilai nasional yang ketara sebelum dan selepas merdeka.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah FNM sebagai institusi media kerajaan memaparkan unsur-unsur nilai nasional di dalam filem-filem dokumentari yang diterbitkan.
2. Apakah jenis-jenis nilai nasional yang ditekankan oleh FNM di dalam filem-filem dokumentari yang dipaparkan.

3. Apakah faktor-faktor persekitaran sosio-budaya yang mempengaruhi pemaparan nilai-nilai nasional tersebut.
4. Adakah terdapat perbezaan tumpuan pemerhatian yang berkaitan dengan pemaparan nilai nasional dari zaman pra dan selepas merdeka.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk menilai jenis-jenis nilai nasional yang diberi perhatian atau tumpuan oleh filem dokumentari terbitan MFU/FNM sepanjang tempoh kajian.
2. Untuk mengenalpasti bagaimana filem dokumentari terbitan MFU/FNM memaparkan isu-isu nilai nasional di antara satu filem dengan filem lain yang dikaji dan melihat perbezaan antara era pra dan pasca merdeka.
3. Untuk mengenalpasti MFU/FNM sebagai sebuah institusi media kerajaan yang diberi fungsi untuk memaparkan maklumat yang menyokong usaha dan dasar kerajaan. Apa yang hendak dikesan ialah bagaimana MFU/FNM berperanan dan bagaimana caranya ia menjalankan peranannya.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan meliputi jangkamasa mulai tahun 1946 hingga tahun 2000. Menurut rekod yang tersimpan di Unit Pembahagian Filem, Filem Negara Malaysia sejumlah 2404 buah filem dokumentari telah diterbitkan sehingga

bulan Disember 2000. Namun begitu pengkaji tidak mampu untuk menganalisis keseluruhan filem-filem tersebut. Hanya beberapa sampel filem sahaja akan dipilih berdasarkan kaedah tertentu. Oleh itu hasil kajian ini akan hanya menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan sahaja.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

1.6.1 Analisis Isi Kandungan

Penyelidik akan membuat kajian dengan cara analisis isi kandungan. Menurut Berelson (1952) analisis isi kandungan adalah satu teknik penyelidikan komunikasi lahiriah yang dibuat secara objektif, sistematik dan kuantitatif. Objektif bermaksud hasil yang diperolehi adalah bergantung kepada tatacara yang digunakan. Sistematik pula ialah penggunaan satu tatacara yang digunakan. Kuantitatif membawa maksud setiap kandungan yang dikaji adalah diberikan satu nilai bernombor atau dihitung secara kekerapan (Syed Arabi Idid, 2002 : 106).

Untuk tujuan kajian ini penggunaan sampel adalah amat perlu sekali memandangkan bilangan filem yang terlalu banyak. Persampelan membolehkan maklumat diperolehi daripada sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar. Kumpulan yang lebih besar ini dikenali sebagai populasi (Syed Arabi Idid, 2002 : 45). Populasi dalam kajian ini adalah filem dokumentari.

Bilangan filem-filem dokumentari yang diterbitkan oleh *Malayan Film Unit/Filem* Negara Malaysia (*MFU/FNM*) sejak penubuhannya pada tahun 1946 sehingga Disember 2000 adalah sebanyak 2404. (Katalog Filem-Filem Terbitan Filem Negara Malaysia, Unit Pembahagian Filem, FNM, 1999). Pecahan mengikut era adalah seperti berikut :-

1. Era pra - merdeka (1947 - 1956) - 304 buah filem
2. Era merdeka (1957 - 1966) - 526 buah filem
3. Era pembangunan (1967 - 2000) - 1574 buah filem

Memandangkan bilangannya terlalu banyak, kajian ini dilakukan mengikut kaedah persampelan rambang. Tidak mungkin pengkaji mampu menonton keseluruhan filem-filem dokumentari tersebut. Oleh itu pengkaji perlu menetapkan bilangan filem yang mampu dikaji. Pengkaji akan memilih bilangan filem seperti berikut:-

1. Era pra - merdeka (1947 - 1956) - 3 buah filem
2. Era merdeka (1957 - 1966) - 3 buah filem
3. Era pembangunan (1967 - 2000) - 4 buah filem

Jumlah keseluruhannya ialah sebanyak sepuluh buah filem. Setiap buah filem itu panjangnya antara 20 hingga 40 minit.

1.6.1.1 Pemilihan Sampel

Untuk tujuan pemilihan sampel pengkaji akan melakukannya mengikut 3 era yang telah ditetapkan. Contohnya untuk era pra merdeka terdapat sebanyak 304 buah filem dokumentari yang dihasilkan. Bagi setiap tajuk filem, pengkaji akan melabelkannya dari nombor 1 hingga 304.

Pengkaji akan menulis nombor 1 hingga 304 atas kertas kecil dan melipatkannya. Seterusnya kertas-kertas kecil yang telah dilipat itu dimasukkan ke dalam sebuah kotak dan diundi secara rawak. Nombor-nombor yang terpilih itulah yang menentukan tajuk-tajuk filem mana yang akan digunakan untuk kajian. Begitu jugalah kaedah yang dilakukan ke atas era merdeka dan era pembangunan. Dengan melakukan demikian bermakna bahawa setiap filem itu mempunyai peluang sama rata untuk dipilih.

1.6.1.2 Kaedah Kajian

Analisis filem adalah satu kaedah di mana seseorang pengkaji itu menganalisis secara terperinci bingkai demi bingkai sebagaimana cara seorang linguistik mengkaji dan menganalisis bahasa dari unit terkecil sekali, dari morfem kepada fonem hingga kepada keseluruhan struktur yang membentuk sesuatu bahasa itu (Naim Haji Ahmad, 1995 : hal 21).

Berdasarkan kaedah di atas pengkaji akan melakukan kajian secara *stop motion*. Ini bermakna pengkaji akan menjalankan filem dan diberhentikan seketika untuk mencatat latarkata yang terdapat dalam sesebuah filem itu. Tujuannya ialah untuk menganalisis latarkata tersebut sama ada ia mengandungi nilai nasional atau pun sebaliknya.

Daripada penelitian dan kajian ke atas latarkata setiap filem yang dipilih itu membolehkan pengkaji mengenalpasti nilai nasional mana yang diwakili oleh latarkata tersebut. Dengan demikian dapatlah ditentukan sejauh mana nilai nasional diselitkan dalam filem-filem dokumentari terbitan Filem Negara Malaysia.

Selain daripada itu pengkaji juga akan melakukan teknik yang sama iaitu *stop motion* untuk mengkaji dari segi visualnya. Daripada visual-visual yang dipaparkan pengakaji mampu untuk mengenalpasti nilai-nilai nasional yang diketengahkan dalam filem-filem dokumentari yang dipilih.

1.7 PEMBAHAGIAN BAB

Dalam kajian ini pengkaji membahagikan kepada enam bab. Setiap bab mempunyai tajuknya tersendiri yang menerangkan dengan terperinci mengenai kajian ini. Pembahagiannya adalah seperti berikut : -

1.7.1 Bab 1 - Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji memuatkan informasi mengenai pengenalan kepada tajuk kajian dan perkara - perkara seterusnya yang akan dilakukan apabila kajian dilaksanakan. Sub-sub tajuk yang dimasukkan dalam bab ini adalah permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian.

Bab satu adalah bab pendahuluan kepada kajian ini. Oleh yang demikian bab ini akan menerangkan secara terperinci mengenai haluan dan arah tuju kajian ini. Dengan meneliti bab ini pembaca akan dapat memahami apakah sebenarnya bentuk dan intipati kajian yang bakal dilaksanakan.

1.7.2 Bab 2 - Sejarah Perkembangan Filem

Bab ini membincangkan mengenai sejarah perkembangan filem di dunia dan juga sejarah perkembangan filem di Malaysia. Perbincangan akan berkisar kepada filem dokumentari dan cereka. Namun begitu tumpuan akan diberikan kepada filem dokumentari kerana fokus kajian adalah kepada filem dokumentari.

1.7.3 Bab 3 - Teori dan Konsep

Bab ini akan membincangkan mengenai teori propaganda dan beberapa konsep yang berkaitan. Antara konsep yang dibincangkan adalah konsep

filem dokumentari dan nilai-nilai nasional. Pengertian yang lebih jelas akan diberikan.

1.7.4 Bab 4 - Filem Negara Malaysia

Bahagian ini kan menerangkan secara terperinci mengenai MFU/FNM, merangkumi perkara-perkara seperti sejarah penubuhannya, aktiviti penerbitan filem pada peringkat awal, pertengahan dan hinggahalah kepada era Filem Negara Malaysia masa kini. Bahagian ini juga menerangkan mengenai objektif penubuhan, struktur organisasi dan fungsi MFU/FNM.

1.7.5 Bab 5 - Filem Dokumentari Terbitan *Malayan Film Unit / Filem Negara Malaysia* : Analisis Filem

Kajian memfokuskan kepada filem-filem dokumentari yang diterbitkan oleh *Malayan Film Unit/Filem Negara Malaysia (MFU/FNM)*.

Pengkaji akan mengklasifikasikan filem-filem terbitan MFU/FNM kepada tiga era yang berlainan mengikut tahun penerbitannya. Pembahagian tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Penerbitan pra - merdeka (1946 - 1956)
- ii. Penerbitan era merdeka (1957 - 1963)
- iii. Penerbitan era pembangunan (1964 - 2000)

Daripada tiga era yang disebutkan tadi pengkaji pasti terdapat perbezaan yang ketara dari segi bentuk filem dokumentari yang dihasilkan. Andaian ini dibuat memandangkan negara berada dalam situasi yang berbeza iaitu era perjuangan untuk menuntut kemerdekaan, era untuk mengisi kemerdekaan pada peringkat awalnya dan era untuk membangunkan negara ke tahap yang lebih baik, lebih maju dan lebih sempurna sebagai sebuah negara dan bangsa yang berdaulat.

Untuk mengkaji apakah dan sejauh manakah **nilai nasional** dimuatkan dalam filem-filem dokumentari terbitan *MFU/FNM* maka kaedah analisis isi kandungan perlu dilakukan. Untuk tujuan itu sebanyak sepuluh buah filem akan dianalisis. Tiga filem dipilih dari era pra-merdeka, tiga lagi dari era merdeka dan empat buah filem dari era pasca-merdeka. Ini bermakna sebanyak sepuluh buah filem akan dianalisis isi kandungannya.

Bab ini amat penting kerana ia merupakan teras kepada tajuk kajian ini. Dapatan daripada bab ini akan menggambarkan hasil kajian keseluruhan ke atas tajuk yang dipilih. Kita akan dapat melihat apakah **nilai nasional** yang telah diterapkan ke dalam filem-filem dokumentari terbitan *MFU/FNM*. Di samping itu kita juga mampu melihat sejauh manakah kesannya **nilai nasional** itu kepada masyarakat umum.

1.7.6 Bab 6 - Penutup - Kesimpulan dan Perbincangan

Ini merupakan bab terakhir yang akan merumuskan hasil kajian yang didapati. Dalam bab ini akan dimuatkan daptan daripada kajian yang telah dilakukan. Daripada hasil kajian dapatlah dianalisis sama ada objektif kajian ini mencapai maksudnya atau pun sebaliknya.

Hasil kajian juga membolehkan pengkaji mengenalpasti apakah sebenarnya bentuk filem-filem dokumentari yang dihasilkan oleh MFU/FNM. Di samping itu juga pengkaji boleh melihat apakah **nilai-nilai nasional** yang terkandung dalam filem-filem yang diterbitkan.

Di akhir sekali pengkaji membuat rumusan keseluruhan mengenai segala aspek kajian yang telah dilaksanakan. Pengkaji memberi huraian mengenai hasil kajian, memberi komen dan juga cadangan membina kepada penggiat-penggiat filem dokumentari di Malaysia. Pengkaji menyimpan satu harapan besar agar industri filem dokumentari di Malaysia akan menjadi lebih bermaya dan berdaya saing jika dibandingkan dengan pengeluar filem sedemikian dari luar negara.